

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[JERANTUT]**

**SOALAN NO. 240**

**Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sekarang bercadang menaikkan cukai korporat dari dua puluh empat peratus pada masa kini ke dua puluh lima peratus pada tahun hadapan bagi menampung kekurangan pendapatan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai korporat bagi meningkatkan hasil pendapatan negara. Cadangan untuk menaikkan kadar cukai korporat akan memberi kesan kepada daya saing Malaysia dalam bersaing untuk menarik pelaburan asing yang berkualiti. Buat masa ini, kadar cukai korporat pada 24% dan kadar cukai efektif (*effective tax rate-ETR*) adalah masih kompetitif dan setanding dengan negara sekitar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif yang berterusan untuk meneliti secara menyeluruh sistem percukaian yang seimbang, adil, saksama dan dapat menyokong dan memantapkan lagi penjanaan pendapatan negara. Inisiatif ini perlu untuk memastikan kutipan hasil cukai adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi untuk membolehkan Kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi keperluan membiayai projek pembangunan secara inklusif demi kesejahteraan rakyat selain memastikan pendapatan negara adalah mencukupi. Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian ke atas pengumuman perubahan layanan percukaian oleh negara-negara jiran. Selain itu, Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (*Tax Reform Committee* atau TRC) juga ditubuhkan bagi membantu Kerajaan dalam merapatkan jurang cukai dan meningkatkan kecekapan percukaian agar kutipan hasil selari dengan pertumbuhan ekonomi.